

HARI : RABU
 TARikh : 21/8/2019
 M/SURAT : 9

Mekanisma pelaksanaan subsidi petrol

Diumumkan 2 minggu lagi

Oleh YULPISMAN ASLI
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 20 OGOS

KEMENTERIAN Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengumumkan mekanisma pelaksanaan subsidi petrol bersasar dalam tempoh dua minggu lagi.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kajian menagainya kini di penghujung, namun pihak beliau hendak memperhalusi beberapa perkara lagi.

"Kalaupun semua berjalan ikut jadual, apa-apa pengumuman tentangnya saya buat dalam dua minggu terdekat, itu pun tertakluk kepada keputusan dan nasihat Jemaah Menteri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas menyaksikan dua majlis mendatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi perkongsian kepakaran dan latihan amali dalam bidang persaingan.

Satu lagi MoU antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Perdagangan
Negeri



SAIFUDDIN NASUTION

dan PrestoMall bagi kerjasama memperkasa e-dagang.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution berkata, pihak kementerian akan melihat modul yang digunakan di Taiwan dan Turki dalam memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi pada harga terkawal.

Beliau berkata, Taiwan walaupun kerap dilanda taufan, namun pihak berkuasa di negara itu dapat memastikan bekalan barang makanan sentiasa mencukupi.

"Taufan boleh menyebabkan bekalan terjejas, tetapi jarang kita baca bekalan makanan terputus. Tentu ada kaedah tersendiri mudahkan Taiwan tentukan bekalan," katanya.

Di Turki pula katanya, kerajaan negara itu telah melaksanakan dasar campur tangan membabitkan pihak berkuasa tempatan dalam mengawal ke naikan harga barang.

Menurut beliau, campur tangan kerajaan dalam mengawal harga barang turut berlaku di Malaysia antaranya membabitkan petrol, minyak masak, gula, gas memasak dan kawalan harga pada musim perayaan.

"Ada kemungkinan kita mempelajari lebih dekat kaedah di dua negara ini dalam kerangka mencari formula terbaik untuk meredakan kos sara hidup," katanya.